




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **60 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **59,262 kes**. Tiada kes kematian direkodkan hari ini.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 101 menjadikan jumlah kumulatif 58,168 orang. Seramai 517 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 229 orang di hospital dan 288 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 41 orang dan 21 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah sembilan (9) daerah
- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Kuning sembilan (9) daerah
- Zon Hijau lapan (8) daerah

5 **Tiada kluster baharu** direkodkan hari ini.

6 Daripada 60 kes positif COVID-19, sebanyak 29 kes (48.3%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, enam (6) kes (10%) saringan bergejala, 21 kes (35%) dari kluster sedia ada serta empat (4) kes (6.7%) dari lain-lain kategori.

7 Jumlah kapasiti katil 3,999 unit

- Hospital 569 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,910 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.

Peratus penggunaan katil 12.93%.

B PERINGATAN UNTUK TIDAK MENGANJURKAN MAJLIS HARI RAYA ATAU RUMAH TERBUKA

- 1 Kerajaan negeri telah memutuskan untuk **TIDAK MEMBENARKAN** Majlis Hari Raya atau Rumah Terbuka pada tahun ini.
- 2 Masyarakat adalah diperingatkan agar mematuhi keputusan ini bagi membendung penularan wabak COVID-19.
- 3 Pihak Penguatkuasa akan sentiasa menjalankan pemeriksaan di premis -premis awam dan persendirian untuk memastikan masyarakat mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

C DAPATAN PIHAK PDRM MELALUI SEKATAN JALANRAYA (SJR) UNTUK MENGHALANG RENTAS DAERAH

- 1 Pihak PDRM telah mengadakan SJR mulai pada 10 hingga 16 Mei 2021 bagi menyekat kenderaan yang bukan perkhidmatan perlu (*essential services*) dan tidak mendapat kebenaran untuk merentas daerah.
- 2 Pihak PDRM melaporkan bahawa sehingga petang 15 Mei 2021 sebanyak 642 kenderaan telah diarah berpatah balik.
- 3 PDRM mendapati bahawa mereka yang diarah berpatah balik sememangnya tahu mengenai larangan tersebut tetapi hanya mencuba nasib untuk merentas daerah.
- 4 Orang awam yang ingin merentas daerah dan bukan dalam golongan Perkhidmatan Perlu atau tidak mendapat kebenaran khas adalah diingatkan supaya tidak berbuat demikian. Ini adalah bagi membolehkan SJR dapat dilaksanakan dengan lancar dan teratur

D PKPD KAMPUNG SUNGAI LANGGAS, KUNAK

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi semasa kes COVID-19 di Kampung Sungai Langgas, Kunak.
- 2 Sehingga 15 Mei 2021, sebanyak 17 kes positif telah dikesan hasil daripada ujian saringan dilakukan oleh KKM ke atas 34 individu di lokaliti tersebut.
- 3 KKM juga melaporkan berlaku peningkatan kes dalam tempoh seminggu dengan kadar kebolehhangkitan yang tinggi di lokaliti itu.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Kampung Sungai Langgas, Kunak berkuat kuasa 17 Mei sehingga 30 Mei 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**
- 5 Pelaksanaan PKPD ini adalah untuk memudahkan KKM menjalan pengesanan awal kes COVID-19 supaya dapat diasingkan secepat mungkin serta menyekat penularan jangkitan ke kawasan luar.

E PKPD LORONG 2 KAMPUNG KONGSI 8, TAWAU

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan peningkatan kes COVID-19 secara mendadak di Lorong 2 Kampung Kongsu 8, Tawau.
- 2 Sehingga kini, KKM melaporkan sebanyak 15 kes positif COVID19 telah direkodkan hasil daripada 56 saringan di lokaliti ini serta dengan kadar positifiti adalah 26.79%.
- 3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Lorong 2 Kampung Kongsu 8, Tawau bermula dari 16 Mei sehingga 29 Mei 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

- 4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM menjalankan pengesanan aktif (ACD) kes-kes positif supaya dapat diasingkan secepat mungkin dan mengekang penularan jangkitan COVID19 ke komuniti lain.

F PELANJUTAN PKPD SMK MADAI, KUNAK

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di SMK Madai, Kunak yang dijadualkan tamat pada 14 Mei 2021.
- 2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 895 ujian saringan dan daripada jumlah itu secara kumulatif sebanyak 42 kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 3 KKM melaporkan masih berlaku penularan berterusan dalam kalangan penduduk di kawasan PKPD serta terdapat sebanyak 51 baki sampel saringan yang sedang menunggu keputusan.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melanjutkan PKPD di SMK Madai, Kunak bermula 15 Mei sehingga 28 Mei 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

G PENAMATAN PKPD KAMPUNG BERGOSONG, TAWAU

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Bergosong, Tawau yang dijadualkan tamat pada 15 Mei 2021.
- 2 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 499 ujian saringan dan daripada jumlah itu, sebanyak 28 kes positif COVID-19 direkodkan.
- 3 KKM mengesahkan baki kes aktif menunjukkan trend penurunan dan kesemua kes positif telah menerima rawatan serta kontak rapat telah diasingkan.

- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kampung Bergosong, Tawau pada 15 Mei 2021 seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

H STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini bagi Fasa 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **tiada** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **56,285** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin, **tiada** orang yang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **50,565** orang.
- 3 Bagi Fasa 2 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **tiada** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **31,795** orang.
- 4 Bagi Dos 2 vaksin Fasa 2, **tiada** orang yang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **4,421** orang.
- 5 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **661** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **489,190** (mysejahtera 429,106 : laman web 59,840 : talian vaksinasi 244) bersamaan 16.7%.

I BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **321,416** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

J LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 53 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 21,161 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 179 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 48 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 20 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
 - Tiga (3) orang : Tidak memakai pelitip muka
 - 10 orang : Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran
 - Satu (1) orang : Penganjuran majlis perkahwinan
 - Satu (1) orang : Tiada penjarakan sosial
 - Lima (5) orang : Gagal menyediakan peralatan/Merekod butiran diri
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 49 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 37 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, dua (2) tangkapan dibuat iaitu satu tangkapan di bawah Akta Imigresen 1959/53 dan satu lagi tangkapan di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 130 lokasi melibatkan seramai 115 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 54 anggota di 46 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah daerah iaitu di daerah Kinabatangan.

K KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.1%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Ranau	98%
2	Beaufort	98%
3	Tenom	98%
4	Sipitang	97.5%
5	Kudat	97.5%
6	Beluran	97.5%
7	Kota Belud	97%
8	Keningau	97%
9	Penampang	97%
10	Kota Marudu	97%
11	Lahad Datu	97%
12	Tuaran	97%
13	Kunak	97%
14	Semporna	97%
15	Papar	97%
16	Kinabatangan	97%
17	Tawau	96%
18	Sandakan	96%
19	Kota Kinabalu	96%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

15 MEI 2021